

**ANALISIS FAKTOR SIKAP DAN PERSEKITARAN
DALAM MEMPENGARUHI PENCAPAIAN MATEMATIK
DALAM PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
(SPM) DI DAERAH KINTA KAJIAN KES :
SMK DR MEGAT KHAS DAN
SMK RAJA CHULAN
IPOH, PERAK**

OLEH

HAIRUDIN RUZAILI B. HAMBALI	95871020
SHAMSULZAILA B. MD. YUSOFF	95873691
ANUAR JUNAIDI B. MD. ISA	95873453
NOOR JASMAN B. NAYAN	95903401

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYART MEMPEROLEHI
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
SERI MANJUNG,
2000.**

10 APRIL 2000

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t kerana atas limpah kurnianya serta hidayat dan taufiqNya membolehkan kami menyelesaikan Kertas Projek ini. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami Encik Mohd Fauzi bin Harun kerana telah sudi meluangkan masa dan tenaganya dalam memberikan komen dan tunjuk ajar khususnya untuk kami menghasilkan kajian ini.

Kami juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di sepanjang usaha kami untuk menyiapkan kajian ini. Segala bimbingan, bantuan dan sokongan ini sangat kami hargai kerana dengan itu jugalah kajian ini telah dapat disempurnakan.

Penghargaan juga diberikan kepada Pegawai Pendidikan Daerah Kinta, Tn Hj Jamal bin Yahya serta pegawainya yang telah memberikan kerjasama, sokongan, kebenaran untuk kami menjalankan kajian. Begitu juga kepada Pengetua SMK Dr Megat Khas, Ipoh, Pn Hj Salmiah bt Ahmad dan Pengetua Smk Raja Chulan, Ipoh, Pn Hj Siti Hanum bt Mohd Sangkut serta guru-guru sekolah berkenaan dan juga para pelajar yang menjadi responden kepada kajian ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih ini kami tujukan kepada Ketua Unit Penilaian dan Peperiksaan, En. Yahya b. Hj Yusuf, Ketua Unit Perhubungan, Pendaftaran Dan Pendidikan Swasta, Tn Hj Khamis bin Asbat serta pegawainya di Jabatan Pendidikan Perak yang turut membantu kami.

SINOPSIS (BAHASA MELAYU)

Pencapaian Matematik di kalangan pelajar-pelajar di Malaysia sememangnya kurang memuaskan dan perlu di ambil perhatian yang sewajarnya. Perkara ini diakui sendiri oleh Menteri Pendidikan Malaysia sendiri dalam ucapannya semasa majlis pelancaran latihan Mental Aritmatik pada 2 Julai 1998. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah ini dimulai dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang dilancarkan pada 1983 dan berteraskan 3M iaitu Kemahiran Menulis Membaca Dan Mengira. Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa pendekatan seperti penggunaan alat bantuan mengajar yang sesuai, penggunaan Sempoa dan juga Mental Aritmatik.

Hasil kajian ini telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor Sikap dan Persekitaran dengan pencapaian Matematik di peringkat Peperiksaan sijil Pelajaran Malaysia.

KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	I
PENGAKUAN	II
PENGHARGAAN	III
SINOPSIS (BAHASA MELAYU	V
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS	VI
KANDUNGAN	VII
SENARAI SINGKATAN	XI
SENARI JADUAL	XII
SENARAI RAJAH	XVI
SENARAI PETA	XIX
SENARAI LAMPIRAN	XX

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan dan Penyatan Masalah	01
1.2	Objektif Kajian.....	04
1.3	Metodologi Kajian	05
1.4	Kajian-Kajian Lepas... ..	07
1.5	Hipotesis.....	09
1.6	Skop Kajian... ..	10
1.7	Kepentingan Kajian	11

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah.

Dalam usaha merealisasikan cita-cita dan hasrat menjadikan negara Malaysia menuju ke arah sebuah negara maju dan berdaya saing, negara memerlukan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun sains dan teknologi masa depan.

Wawasan 2020 merupakan satu strategi yang dirangka khas bagi menyahut cabaran yang menjanjikan seribu kemungkinan. Masyarakat Malaysia perlu melengkapkan diri serta bersedia memikul tanggungjawab untuk menghadapi situasi yang serba mungkin dan lebih mencabar. Senario dan cabaran yang terkandung dalam wawasan 2020 menagih kepekaan kita melengkapkan diri dan bersedia memikul tanggungjawab tersebut.

Bagi merealisasikan matlamat ini, bidang pendidikan memainkan peranan yang amat penting yang berfungsi sebagai pembentuk generasi akan datang. Untuk